

PM perjelas larangan bincang isu sensitif

Media, rakyat perlu perkukuh perpaduan, keharmonian kaum

Oleh Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tindakan melarang rakyat dan media massa membangkitkan isu sensitif dibuat untuk memelihara perpaduan serta keharmonian di kalangan rakyat negara ini.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu dibuat kerana ada pihak tertentu membangkitkan isu sensitif terutama berkaitan agama hingga menimbulkan kontroversi dan keresahan di kalangan rakyat berbeza agama.

"Larangan membangkitkan isu sensitif tidak boleh diertikan sebagai larangan berdialog antara agama, yang memang digalakkan pada pelbagai peringkat," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan soalan Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur) di Dewan Rakyat, semalam.

Lim dalam soalnya meminta

“Langkah melarang isu sensitif dibangkitkan turut membabitkan media massa bagi memastikan tidak wujud perkara boleh menyusahkan rakyat, malah tidak memberi keuntungan kepada rakyat”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Perdana Menteri menjelaskan mengapa kerajaan menggalak kebebasan beragama dan dialog antara agama pada arena antarabangsa tetapi tidak di dalam negara, sehingga meminta media menjauhkan isu keagamaan.

Abdullah berkata, beliau sering menegaskan kepentingan bermuafakat dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, dan beliau sendiri sering mengadakan dialog dengan pelbagai kumpulan agama dari semasa ke semasa.

Perdana Menteri berkata, langkah melarang isu sensitif dibangkitkan turut membabitkan media massa bagi memastikan tidak wujud perkara yang boleh menyusahkan rakyat, malah ia tidak memberi keuntungan kepada rakyat.

Bagaimanapun, katanya, kebanyakan rakyat Malaysia kini lebih cenderung kepada usaha mengadakan

dialog antara agama dari semasa ke semasa pada pelbagai peringkat menggunakan pelbagai saluran.

Sehubungan itu, katanya, beliau menggalakkan dialog seumpama itu diteruskan dan kerajaan akan meminta ilmuwan Islam daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) terbabit dalam dialog itu.

"Malah, Jawatankuasa Agama di bawah Jawatankuasa Kerja Panel Penasihat Perpaduan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) akan mengadakan dialog antara agama bagi menggalakkan hubungan harmoni antara penganut pelbagai agama di negara ini menerusi penekanan kepada isu sosial seperti pencegahan jenayah, penyalahgunaan dadah yang memerlukan kerjasama rakyat pelbagai agama," katanya.